

TARIKH : 18/1/2023

SURAT KHABAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 22



TERTUDUH dibawa ke Mahkamah Seksyen Gua Musang, semalam. - Gambar NSTP/ Paya Linda Yahya

## Penjara 15 tahun, 10 sebatan

**Gua Musang:** Seorang tukang masak warganegara Thailand dijatuhi hukuman penjara 15 tahun dan 10 sebatan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol dan memiliki gambar lucah mangsa, Oktober tahun lalu.

Tertuduh, Ilham Wedue-oh, 26, yang kelihatan sugul, menganggu fahaman mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Tengku Shahrizam Tuan Lah.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa merogol mangsa bawah umur yang berusia 15 tahun ketika kejadian, di tempat rehat pekerja di Hentian Anjung Pa-

loh 02, Oktober tahun lalu.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara 10 tahun dan sebatan.

Bagi pertuduhan kedua, lelaki itu didakwa terbabit dalam penghasilan pornografi kanak-kanak iaitu mangsa yang sama dengan menggunakan telefon bimbit di lokasi dan tarikh yang sama.

Bagi pertuduhan berkenaan, lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 5 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang boleh dihukum penjara sehingga 30 tahun dan tidak kurang daripada enam se-

batan.

Selain itu, tertuduh turut didakwa tidak memiliki apa-apa pas yang sah bagi memasuki Malaysia di lokasi yang sama, jam 8.30 malam, pada 4 Januari 2023.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 6(3) akta sama yang boleh didenda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya atau tidak lebih enam sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Faiz Fitri Mohamad dan tertuduh tidak diwakili peguam.

## 3 individu didakwa kes tuntutan palsu insentif Penjana Perkeso

**Melaka:** Tiga individu didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam, atas pertuduhan mengemukakan dokumen palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi menuntut insentif di bawah Program Penjana Kerjaya a 2.0 berjumlah RM108,900.

Pada prosiding berasingan didengar Hakim Elesabet Paya Wan itu, ketiga-tiga tertuduh yang juga peniaga Mohd Fahmi Fikri Mohd Nor, 30, Kamaruddin Ab Kadir, 58, dan Darus Jidin, 49, mengaku tidak bersalah serta meminta dibicarakan.

Mengikut pertuduhan, Mohd Fahmi Fikri didakwa memberikan Borang Penge-

sahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja atas nama Arrizqi 46 Enterprise bertarikh 20 Mei 2021 melalui seorang lelaki kepada seorang pegawai perkhidmatan pekerjaan pejabat Perkeso bagi menuntut insentif di bawah program itu berjumlah RM38,700.

Kamaruddin dan Darus juga didakwa melakukan kesalahan sama dengan mengemukakan dokumen itu, masing-masing atas nama Syafi Muhjah TC dan DJ Warisan Enterprise bertarikh 18 Mei 2021 dan 9 Mac 2021 bagi menuntut insentif menerusi program itu berjumlah RM70,200.

Mereka dituduh dengan niat memperdayakan Perkeso dengan dokumen pengesahan itu yang mengandungi pernyataan palsu 'Nama Pekerja Baharu' sedangkan senarai pekerja yang dinamakan bukan pekerja syarikat berkenaan.

Perbuatan itu dilakukan di Pejabat Perkeso, Wisma Perkeso, Jalan Persekutuan, MITC, Ayer Keroh, masing-masing pada 29 Mei, 18 Mei dan 9 Mac 2021.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (2) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai butir palsu itu atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM Irwan Shah Abdul Samat menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin bagi Mohd Fahmi Fikri dan Kamaruddin manakala Darus sebanyak RM15,000 berserta syarat tambahan melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat sekali sebulan dan menyerahkan pasport kepada mahkamah sementara mesyuarat perbicaraan tamat.



MOHD Fahmi (baju merah), Kamaruddin (baju-Telabu) dan Darus (jaket, topi hitam) dibawa untuk proses jaminan selepas prosiding selesai. - Gambar NSTP/Meor Riduwan Meor Ahmad